

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dibenarkan bersiaran secara langsung melalui internet demi dasar ketelusan dan integriti. Langkah-langkah baru bermatlamat memudahkan serta mempercepatkan segala permohonan di DBKL.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mengambil tindakan bagi menambahbaik proses pengurusan permohonan pembangunan. Tindakan yang sedang diambil adalah seperti berikut:-

- 1) Pihak DBKL akan mengeluarkan keputusan interim terhadap permohonan pembangunan yang dipertimbangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) **secara online** dan dipaparkan di Portal OSC KPKT dalam tempoh 24 jam selepas mesyuarat OSC. Maklumat berkaitan status permohonan yang dikemukakan ke DBKL boleh diakses oleh pihak awam melalui Portal OSC KPKT (www.epbt.gov.my/osc). Semakan terhadap permohonan berkaitan boleh dibuat dengan klik kepada icon ‘**SEMAK**’;

- 2) DBKL sedang mengambil langkah untuk mempertingkatkan lagi proses kerja sedia ada dengan **meringkaskan proses kerja dan menetapkan tempoh masa** di setiap peringkat pemprosesan sehingga pengeluaran keputusan. Cara kerja baharu ini dijangka dapat memendekkan tempoh masa pertimbangan terhadap permohonan yang diterima kerana cadangan ini akan memastikan tindakan pemprosesan berulang dapat diatasi; dan
- 3) Dengan pewartaan PBRKL 2020, pemprosesan permohonan menjadi **lebih telus** kerana pegawai yang membuat penilaian akan mengikut zon guna tanah dan intensiti pembangunan yang diperuntukan dalam PBRKL 2020.

Dengan tindakan-tindakan yang telah diambil, **tiada keperluan** untuk melaksanakan OSC DBKL yang bersiaran secara langsung melalui internet kerana mesyuarat ini bertujuan untuk memastikan cadangan permohonan mematuhi zon guna tanah dan intensiti pembangunan PBRKL 2020 dalam menilai sesuatu pembangunan dengan mengambil kira aspek teknikal dan penilaian oleh Jabatan Dalaman dan Agensi Luaran DBKL dan tiada peruntukan dalam Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) untuk urusan pertimbangan kelulusan perancangan boleh dibuka/ditonton oleh orang awam.

Sekian, terima kasih.